

83 kakitangan UMS terima kenaikan pangkat

UG 3.12.13 B5

Oleh S. CONNIE PEARL SUIL
utusanborneokk@gmail.com

KOTA KINABALU: Seramai 83 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu 45 kakitangan akademik menerima surat tawaran kenaikan pangkat dan 38 bukan akademik diserap ke jawatan tetap setelah menunjukkan prestasi cemerlang.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk 'Dr Mohd Harun Abdullah berkata proses kenaikan pangkat yang dilaksanakan adalah berdasarkan merit dan hanya kakitangan yang benar-benar menunjukkan prestasi yang cemerlang yang layak menerimanya.

"Kenaikan pangkat bukan hak mutlak seorang kakitangan, namun pihak universiti akan sentiasa menghargai dan mengiktiraf pencapaian cemerlang yang ditunjukkan oleh seorang ahli akademik.

"Di harap mereka akan terus mendidik anak bangsa dengan penuh tanggungjawab, amanah



HARUN (dua kanan) menyampaikan surat tawaran kenaikan pangkat Profesor Gred VK7 kepada Prof Dr Charles Santhanaraju Vairappan. Turut kelihatan Abdullah (kanan).

dan sentiasa mengamalkan etika sebagai seorang ahli akademik UMS," katanya ketika menyampaikan amanat sempena Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat dan Penyerahan ke Jawatan Tetap tahun 2013,

di sini kelmarin.

Dalam pada itu, Harun turut mengingatkan kakitangan yang dinaikkan pangkat supaya tidak leka dan lalai dengan status yang diperolehi tetapi terus menjalankan tanggungjawab

dengan baik.

Sementara itu, mengenai kenaikan pangkat kakitangan sokongan, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said berkata semuanya ditawarkan kontrak dan hanya yang menunjukkan

prestasi terbaik sahaja akan diserap kepada jawatan tetap.

Pihaknya juga bercadang untuk melucutkan jawatan atau tidak memberi jawatan tetap kepada kakitangan yang gagal menunjukkan prestasi yang baik.

"Cadangan melucutkan jawatan kakitangan bukan dilakukan dengan sewenang-wenangnya namun ia bertujuan untuk memastikan prestasi UMS terjamin," katanya.

Beliau turut menjelaskan pihak UMS juga mempunyai jadual kenaikan pangkat dan ia dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Ramai yang mungkin tidak berpuas hati dengan kenaikan pangkat yang dilakukan namun sebarang kenaikan pangkat yang dilaksanakan ini adalah mengikut peraturan dan kriteria yang ditetapkan UMS," katanya.

Turut hadir, Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Ag Amit dan tetamu kehormat yang lain.